

## INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



# PENERIMAAN MAHASISWA TERHADAP MATA PELAJARAN UMUM (MPU) KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA DI UITM CAWANGAN KEDAH

*STUDENTS' ACCEPTANCE OF PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES AS A  
GENERAL STUDIES COURSES (MPU) AT UITM KEDAH BRANCH*

Noor Syahidah Mohamad Akhir<sup>1\*</sup>, Syaimak Ismail<sup>2</sup>, Muhammad Saiful Islam Ismail<sup>3</sup>, Siti Aisyah Yusof<sup>4</sup>, Mohd Adib Shujaa Ahmad<sup>5</sup>, Azrul Shahimy Mohd Yusof<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia

Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, Malaysia

Email: syaimak@uitm.edu.my

<sup>3,4,5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia

Email: saifulislam@uitm.edu.my

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia

Email: azrulshahimy@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 31.07.2023

Revised date: 27.08.2023

Accepted date: 12.09.2023

Published date: 25.09.2023

#### To cite this document:

Mohamad Akhir, N. S., Ismail, S., Ismail, M. S. I, Yusof, S. A., Ahmad., M. A. S., & Mohd Yusof, A. S. (2023).

Penerimaan Mahasiswa Terhadap Mata Pelajaran Umum (MPU) Kursus

### Abstrak:

Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan mata pelajaran umum (MPU) yang dilaksanakan pada tahun 2019. Kursus ini diwajibkan kepada semua mahasiswa sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia. Kajian melihat kebanyakan pelajar beranggapan mata pelajaran ini sukar memandangkan majoriti mereka tidak pernah mengambil apa-apa mata pelajaran falsafah sebelum memasuki alam universiti. Tambahan pula kursus ini masih diajarkan secara atas talian memandangkan kekangan pandemik Covid-19 sebelum ini. Justeru, artikel menfokuskan tahap penerimaan mahasiswa terhadap kursus FIS di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kedah. Kajian merupakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik google form terhadap 73 orang pelajar daripada fakulti perakaunan di UiTM Kedah. Penerimaan pelajar diukur dari kandungan silibus dan pengajaran mata pelajaran. Hasil kajian mendapat penerimaan pelajar terhadap FIS adalah positif dan memberi manfaat kepada

Falsafah Dan Isu Semasa Di Uitm Cawangan Kedah. *International Journal of Modern Education*, 5 (18), 137-147.

DOI: 10.35631/IJMOE.518010

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



mereka. Walau bagaimanapun kebanyakkan mereka berpendapat FIS agak sukar mengikuti bab tertentu dan memerlukan inovasi pengajaran agar lebih menarik dan mudah difahami.

### Kata Kunci:

Falsafah dan Isu Semasa, Mata Pelajaran Umum, Penerimaan, Mahasiswa

### Abstract:

Philosophy and Current Issues (FIS) is a general studies course (MPU) implemented in 2019. This course is mandatory for all students, whether in public higher education institutions (IPTA) or private institutions (IPTS) in Malaysia. The study finds that most students find this subject difficult, as the majority of them have never taken any philosophy subjects before entering university. Moreover, this course is still being taught online due to the constraints of the COVID-19 pandemic that occurred earlier. Therefore, the article focuses on the level of student acceptance of the FIS course at the Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah branch. The study adopts a quantitative method using a Google Form questionnaire distributed to 73 accounting students from UiTM Kedah. Student acceptance is measured based on the course syllabus content and teaching methods. The study's findings indicate that students' acceptance of FIS is positive and beneficial. However, many of them feel that certain sections of FIS are somewhat challenging and require innovative teaching approaches to make it more engaging and easily understandable.

### Keywords:

Philosophy and Current Issues, General Studies Subject, Student Acceptance

## Pendahuluan

Seiring dengan perkembangan arus semasa, mahasiswa seharusnya mempunyai daya tahan yang tinggi, keupayaan dalam menempuh cabaran kehidupan, cakna dengan isu semasa global dan nasional serta mempunyai pemikiran kreatif dan kritis dalam mendepani berkaitan isu masalah. Untuk melahirkan modal insan berkualiti, Menteri Pendidikan tahun 2019 iaitu Dr. Maszlee Malik telah mengaspirasikan mata pelajaran Falsafah dan Isu Semasa (FIS) bagi menggantikan mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). FIS dilihat relevan dengan kehendak semasa dalam menghasilkan modal insan yang tinggi pemikiran.

Permasalahannya, kebanyakan mahasiswa beranggapan mata pelajaran FIS agak sukar bagi mereka. Berdasarkan beberapa kajian lepas, FIS dianggap seolah tidak berpijak dibumi, terawang-awang dan tiada arah tujuan (Mohd Azhar 2021 ; Latiff & Mokhtar 2020). Stigma pemikiran seperti ini seharusnya dimurnikan dengan pemikiran bahawa falsafah itu lebih mudah dan indah apabila diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Hakikatnya proses berfikir secara logik, kreatif dan kritis dalam kehidupan seharian adalah sebahagian daripada falsafah.

Tambahan pula matapelajaran FIS dilihat mempunyai cabaran kerana perlaksanaannya pada tahun 2019 iaitu ketika bermulanya pandemik Covid-19. FIS memerlukan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian (Kassim, Noor, Azzis, Ching, Ramli & Hanafi 2023 ; Latiff & Mokhtar 2020). Sudah tentu ia memberi cabaran kepada pengajar dan pelajar untuk

menguasai ilmu ini. Tinjauan kajian yang dilakukan di Universiti Malaya mendapati PdP FIS secara atas talian dapat diterima oleh pelajar, namun PdP secara bersemuka perlu disegerakan supaya keberkesanan dapat ditingkatkan (Kassim, Noor, Azzis, Ching, Ramli & Hanafi 2023).

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) PdP matapelajaran FIS masih dijalankan secara atas talian khususnya Kampus Sungai Petani, Cawangan Kedah memandangkan jumlah pelajar yang ramai. Pada masa yang sama, kebanyakan mahasiswa tidak pernah mempelajari atau mengambil apa-apa mata pelajaran berkaitan falsafah ketika diperangkat sekolah atau diploma merupakan antara cabaran penerimaan FIS oleh mahasiswa.

Justeru, artikel ini mengkaji berkaitan sejauhmana penerimaan mahasiswa berhubung mata pelajaran FIS di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Hasil kajian mendapati mahasiswa memberi maklum balas positif dan sokongan terhadap mata pelajaran ini. Namun, mereka bersetuju bahawa beberapa bab agak sukar dan perlu kepada inovasi PdP.

## Sorotan Literatur

### **Latar Belakang Mata Pelajaran Falsafah dan Isu Semasa (FIS)**

Mata pelajaran Falsafah dan Isu semasa (FIS) merupakan subjek wajib universiti yang perlu diambil oleh mahasiswa dan mahasiswi sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia (Abdul Karim 2019). Ia merupakan salah satu daripada matapelajaran umum (MPU) yang asalnya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW). MPU terbahagi kepada empat kelompok dengan matlamat tertentu iaitu U1 = Penghayatan falsafah, nilai dan Sejarah, U2 = Penguasaan Kemahiran insaniah, U3= Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan U4= Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kurikulum (Yip & Burhanuddin 2017).

Pada tahun 2019, FIS telah diilhamkan oleh Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Dr. Maszlee Malik (Mohd Azhar 2021). Perlaksanaan kursus ini bermula pada sesi pengambilan pelajar 2019/2020 susulan Mesyuarat Jemaah Menteri Bil.14/2019 pada 12 Jun 2019 (Pengemaskinian Struktur Kursus MPU, 2019). Pengenalan kepada FIS dilihat selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara iaitu pendidikan berteraskan nilai. FIS telah menggantikan mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang diwajibkan di semua IPTA dan PTS di Malaysia pada sesi 1998/1999 (Abu Bakar, Said, Sabil, Ibrahim, Roose, Aden & Marawi 2012).

Aspirasi Malik (2019) bahawa “*Ramai orang menganggap falsafah ialah pengetahuan yang berat dan meletihkan. Hakikatnya, ilmu falsafah ialah ilmu berfikir. Dengan falsafahlah kita belajar mengaturcara fikiran seterusnya membina tamadun pemikiran. Dengan falsafah jugalah kita menganalisa, mencari kebenaran, dan seterusnya merancang penyelesaian. Kerana di akhirnya, kita mahu memastikan siswazah keluaran universiti kita tinggi pemikirannya, muluk peribadinya, dan sentiasa cuba untuk menyelesaikan masalah masyarakat*” (Media sosial facebook Dr. Maszlee Malik 25 September 2019).

Menurut Mohd Azhar (2021), usaha kearah merakyatkan falsafah adalah perlu. Kebanyakkan mengatakan subjek falsafah ini sukar dan dilihat masih lagi merewang, melangit, tiada arah tujuan dan membuang masa. Seharusnya salah faham ini dijelaskan tujuan ilmu falsafah itu sendiri. Falsafah adalah aplikasi dalam kehidupan seharian yang mengaturcara pemikiran dan menyelesaikan pelbagai masalah kehidupan. Kajian yang dilakukan di Universiti Malaysia

Kelantan (UMK) bersetuju bahawa FIS lebih memberi kesan dalam kehidupan mereka (Abdul Razak, Bakar, Yusuff, Nawi & Daud 2022). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Marinsah (2021) menunjukkan mata pelajaran FIS mampu membentuk pemikiran kritis dengan keupayaan menafsir, menganalisis, menilai, membuat inferens, menghurai dan meta kognitif. Tambahannya lagi mata pelajaran ini dapat memupuk nilai akhlak dan moral kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Menurut Ab Hamid (2023) dalam artikel penerapan ilmu logik dalam FIS menyatakan bahawa mata pelajaran ini dapat membentuk mahasiswa yang mempunyai kemahiran berfikir seterusnya dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan.

Justeru, subjek FIS yang diwajibkan di semua IPTA dan IPTS di Malaysia adalah relevan dengan keadaan semasa. FIS adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan generasi seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Abdul Razak & Hashim 2019). FPK juga berusaha mengembangkan potensi individu, melahirkan warganegara yang berilmu, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab serta memberi sumbangan keharmonian kepada keluarga, masyarakat dan negara (Laman Web Kementerian Pendidikan).

### ***Mata Pelajaran Falsafah dan Isu Semasa di UiTM***

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan salah sebuah IPTA yang mempunyai kampus cawangan di setiap negeri di Malaysia. UiTM turut menawarkan mata pelajaran FIS dengan kod kursus CTU552 untuk semua mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil Ijazah Sarjana Muda. Mata pelajaran ini perlu diambil dan diwajibkan lulus memandangkan ia merupakan subjek wajib universiti. Di UiTM, FIS telah dipertanggungjawabkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) untuk proses pengajaran dan pembelajaran di semua kampus cawangan. Isi kandungan mata pelajaran FIS di UiTM terbahagi kepada sembilan bab iaitu (Course Information CTU552, 2023) :

Bab 1 : Pengenalan ilmu falsafah. Bab ini membincangkan berkaitan pengenalan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun negara.

Bab 2 : Falsafah dalam kehidupan. Bab ini mengandungi persoalan epistemologi, metafizik dan etika.

Bab 3 : Seni dan Kaedah Berfikir. Bab ini memfokuskan berhubung kaedah-kaedah berfikir antaranya induktif, deduktif dan falasi.

Bab 4 : Konsep Insan. Bab ini membincangkan asal usul manusia, hakikat kewujudan, konsep insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI).

Bab 5 : Konsep Insan (Sambungan). Bab ini lebih membincangkan berkaitan metafizik, kewujudan, matlamat kehidupan, kepercayaan.

Bab 6 : Epistemologi. Bab ini berkaitan dengan teori ilmu, kaedah mengetahui, kaedah perolehan ilmu, jenis dan klasifikasi ilmu.

Bab 7 : Epistemologi dan isu semasa (Ideologi semasa). Bab ini membincangkan berhubung kepelbagaian aliran ideologi semasa dan implikasi terhadap epistemologi.

Bab 8 : Etika sebagai isu kefalsafahan. Dalam bab ini mengetengahkan etika sebagai epistemologi amali, konsep etika dalam kepelbagaian agama, konsep sejahtera dalam segenap kehidupan manusia.

Bab 9 : Kajian kes terpilih Falsafah dan Isu semasa. Dalam bab ini para pelajar akan membentangkan berkaitan isu-isu semasa yang dipilih, diketengahkan dan dibincangkan.

Mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil mata pelajaran FIS perlu melakukan tugasan (*assessment*) bagi menyempurnakan kod kursus CTU552. Pelajar perlu menyiapkan kertas kerja berkumpulan (30 markah), pembentangan berkumpulan (30 markah) dan menduduki ujian akhir FIS (40 markah) (Course Information CTU552, 2023). Ujian berbentuk objektif dengan aras rubrik C1-C5 untuk memastikan pelajar memahami dan dapat mengaplikasikan ilmu falsafah tersebut. Di UiTM, tiada peperiksaan akhir untuk kod kursus ini.


Berdasarkan kajian Ab Hamid & Abd Wahab (2023), pelajar yang mengambil mata pelajaran FIS dapat memperolehi tiga hasil pembelajaran (*learning outcome*) iaitu i) Menjelaskan isu semasa berasaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Negara dan Rukun Negara, ii) Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah, iii) Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya.

Secara rumusan, mata pelajaran FIS dilihat relevan bagi membentuk generasi yang berfikiran kreatif dan kritis dalam menghadapi sesuatu perkara dalam kehidupan. Justeru, satu kajian berkaitan penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran ini perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana penerimaan pelajar terhadap subjek ini.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian rintis berkaitan penerimaan mahasiswa dan mahasiswi berhubung mata pelajaran FIS, CTU552. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan soal selidik yang dikumpul menggunakan *google form*. Soal selidik dibentuk menggunakan skala Ya dan Tidak, serta skala pengukuran (1) Sangat teruk, (2) Teruk, (3) Pertengahan, (4) cemerlang dan (5) sangat cemerlang. Data diperolehi melalui kajian tinjauan yang dilakukan pada awal tahun 2023. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah diadaptasi dengan keadaan semasa yang menfokuskan aspek kandungan dan aspek pengajaran.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran FIS di UiTM kampus Sungai Petani, cawangan Kedah. Sample kajian melibatkan pelajar daripada Fakulti Perakaunan yang terdiri daripada tiga kumpulan pelajar iaitu KAC2203A, KAC2203B dan KAC2203C yang mendaftar pada sesi 2022/2023. Responden terdiri daripada 73 orang pelajar iaitu 87% orang daripada ketiga-tiga kumpulan ini. Fakulti perakaunan dipilih memandangkan pengajian mereka kebanyakannya melibatkan angka sebaliknya falsafah berkaitan sesuatu yang subjektif dan memerlukan pemikiran kritis dan penghujahan. Dapatkan kajian dipaparkan dalam bentuk peratusan hasil daripada maklumbalas daripada responden. Berikut merupakan kerangka teori kajian :

**Rajah 1 : Kerangka Teori Kajian**

Sumber : Hasil Kajian

**Dapatan dan Perbincangan Kajian**


Hasil kajian berkaitan penerimaan pelajar terhadap Mata Pelajaran Umum (MPU) kursus Falsafah dan Isu Semasa di UiTM cawangan Kedah. Responden seramai 73 orang pelajar iaitu 22 pelajar daripada KAC2203A, 21 pelajar daripada KAC2203B dan 30 pelajar daripada kumpulan KAC2203C pada sesi 2022/2023. Penerimaan pelajar diukur berdasarkan i) Kandungan silibus, dan ii) Pengajaran silibus. Berikut adalah jadual berkaitan :

**Jadual 1 : Analisis Terhadap Kandungan Mata Pelajaran FIS**

Kandungan Silibus	Ya	Tidak
Adakah anda pernah mempelajari subjek falsafah atau apa-apa subjek berkaitan falsafah sebelum ini?	19 (26%)	54 (74%)
Adakah subjek ini memberi pengetahuan ilmu yang baharu kepada anda?.	100 (100%)	0%
Adakah subjek falsafah dapat menarik minat atau semangat ingin tahu anda berkaitan mata pelajaran ini?	61 (83.3%)	12 (16.4%)
Adakah subjek ini membantu anda berfikiran kreatif dan kritis?.	65 (89%)	8 (11%)
Adakah anda merasakan subjek falsafah merupakan mata pelajaran yang sukar untuk difahami?	38 (52.1%)	35 (47.9%)

Sumber : Dapatan Kajian

Berdasarkan jadual 1, majoriti pelajar iaitu 74% tidak pernah mengambil apa-apa subjek falsafah sebelum mengambil kod kursus CTU552. Keadaan ini memungkin para pelajar merasakan bahawa mata pelajaran ini adalah sukar untuk difahami. 52.1% memberi respon bahawa mata pelajaran ini sukar untuk difahami berbanding 47.9% dapat seiring dengan kandungan silibus yang dipelajari. Dapatan ini selari dengan beberapa artikel yang menyatakan FIS dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar oleh sesetengah kelompok (Mohd Azhar 2021 ; Latiff & Mokhtar 2020). Rajah 1 berkaitan respon pelajar berkaitan kesukaran mengikut bab kandungan mata pelajaran.



**Rajah 2 : Kandungan Bab Mata Pelajaran yang Dianggap Sukar oleh Pelajar**


Sumber : Dapatan Kajian

Merujuk rajah 2, 41.1% bersetuju bahawa bab 7 berkaitan Epistemologi dan ideologi semasa merupakan bab paling sukar untuk difahami. Bab ini membincangkan berkaitan teori ilmu yang dihubungkaitkan dengan kepelbagaiannya fahaman pemikiran semasa. Manakala 28.8% mengatakan bab 1 agak sukar memandangkan bab ini merupakan bab awal yang membincangkan kepelbagaiannya istilah atau terminologi sedangkan majoriti pelajar iaitu 74% adalah pertama kali mengambil mata pelajaran berkaitan falsafah [rujuk jadual 1]. Untuk bab 2 iaitu falsafah dalam kehidupan, Bab 8 berkaitan etika dan Bab 4 konsep insan dianggap mudah oleh para pelajar berkemungkinan bab ini berkaitan dengan kehidupan harian dan pengetahuan umum yang mudah untuk difahami pelajar.

Walaupun begitu, berdasarkan jadual 1 pelajar memberi respon positif di mana keseluruhan pelajar iaitu 100% menyatakan bahawa FIS memberi pengetahuan ilmu yang baharu kepada mereka. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan di USIM dengan majoriti pelajar bersetuju mata pelajaran FIS bermanfaat kepada mereka (Latiff & Mokhtar 2020). Merujuk jadual 1, 83% bersetuju bahawa FIS mampu menarik minat atau semangat ingin tahu pelajar dan 89% mengatakan FIS memangkin kepada pemikiran kreatif dan kritis pelajar. Dapatan ini selari dengan artikel yang ditulis oleh Ab Hamid (2023) bahawa FIS mampu menerapkan ilmu logik dan membentuk kemahiran berfikir mahasiswa serta membantu menyelesaikan masalah dalam kehidupan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Kassim (2023) bahawa falsafah logik adalah satu seni berperanan mengesahkan keabsahan maklumat dan teori dalam penyelidikan.

Justeru ia mula mendapat perhatian dalam dunia Pendidikan di Malaysia. Ia selari dengan dapatan kajian Latiff (2020) di mana majoriti pelajar di USIM sangat bersetuju mata pelajaran FIS membantu mereka dalam aktiviti berfikir.

Berikut merupakan hasil dapatan kajian berhubung pengetahuan pelajar UiTM Kedah sebelum dan selepas mengambil mata pelajaran FIS.



**Rajah 3 : Tahap Pengetahuan Berhubungilmu Falsafah Sebelum Dan Selepas Mengambil Kursus**

Sumber : Dapatan Kajian

Tahap pengetahuan pelajar di UiTM Kedah sebelum mengambil mata pelajaran FIS adalah pada skala 2 iaitu Teruk, sebanyak 45.2% manakala selepas mengambil kurus ini pengetahuan mereka berada di skala 4 iaitu cemerlang, sebanyak 63% dan skala 5 iaitu sangat cemerlang sebanyak 24.7%. Justeru kajian mendapati bahawa, walaupun FIS dianggap sukar pada bab tertentu, namun FIS memberi impak positif terhadap pengetahuan pelajar dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan.

Pengukuran penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran FIS yang kedua adalah pengajaran berkaitan silibus. Jadual 2 menunjukkan analisis berkaitan penerimaan terhadap pengajaran FIS mengikut peratusan.

**Jadual 2 : Analisis Berkaitan Penerimaan Terhadap Pengajaran FIS Mengikut Peratusan**

<b>Pengajaran</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Adakah anda mengetahui bahawa subjek Falsafah dan Isu semasa merupakan subjek Mata Pelajaran Umum (MPU) yang wajib di ambil oleh semua pelajar IPTA dan IPTS di Malaysia?	63 (86.3%)	10 (13.7%)
Adakah anda merasakan kaedah tertentu atau inovasi pengajaran dan pembelajaran perlu untuk meningkatkan minat dan pengetahuan anda?	67 (91.8%)	6 (8.2%)

Sumber : Dapatkan Kajian

Jadual 2 menunjukkan 86.3% mengetahui bahawa FIS merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua pelajar IPTA dan IPTS. Majoriti pelajar iaitu 91.8% bersetuju bahawa mata pelajaran ini perlu dilaksanakan kaedah inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan minat dan pengetahuan pelajar. Suatu kaedah inovatif dan inovasi perlu diketengahkan memandangkan subjek ini dianggap sukar oleh sesetengah golongan dan dapatan kajian menunjukkan beberapa bab yang sukar untuk pelajar. Hakikatnya mata pelajaran ini menyeronokkan dan bermanfaat jika terdapat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kreatif seperti permainan game dan quiz atas talian antaranya penggunaan Quizzi (Matlan & Maat 2021). Hubungan antara pelajar dan pensyarah dan kaedah penyampaian pensyarah juga menjadi pemangkin kepada keberkesanannya mata pelajaran ini (Kassim, Noor, Azzis, Ching, Ramli & Hanafi 2023). Pensyarah atau guru perlu kreatif dalam mendepani pelajar khususnya dalam norma baharu (Abdullah & Marion 2021).

Terdapat pelbagai kajian lepas berkaitan inovasi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Inovasi dalam pendidikan dikaitkan dengan usaha untuk mencari satu kaedah perubahan untuk memberolehi manfaat yang lebih baik dalam bidang pendidikan (Kristiawan, Suryanti, Muntazir, Ribuati & AJ 2018). Di peringkat sekolah, pelbagai inovasi dalam pelbagai mata pelajaran khususnya matematik, sains, bahasa dan agama Islam. Kaedah yang pelbagai dan menarik mampu meningkatkan minat pelajar dan meningkatkan kefahaman mereka. Inovasi yang memasukkan elemen teknologi pendidikan mampu menambahkan kecerdasan dan kemahiran berfikir dalam memperkasakan nilai intrinsik dan ekstrinsik (Abdul Aziz & Abdul Aziz 2016). Justeru, mata pelajaran FIS dilihat berkeperluan untuk penciptaan inovasi pengajaran agar ia lebih menarik dan mudah difahami.

### Kesimpulan

Falsafah dan isu semasa merupakan mata pelajaran yang relevan untuk dipelajari ketika ini. Ini kerana FIS menekankan keperihatinan mahasiswa untuk cakna berkaitan isu semasa sama ada berkaitan nasional atau global. Mata pelajaran ini turut menjadikan mahasiswa berfikiran kreatif dan kritis dalam menghadapi kehidupan harian. Pemikiran yang terarah turut membentuk keperibadian yang baik. Keseimbangan antara emosi, intelektual, jasmani dan rohani turut ditekankan dalam FIS dan selari dengan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan.

Walaupun hasil kajian mendapati FIS sukar untuk difahami oleh sebahagian mahasiswa khusus untuk bab tertentu. Namun, keseluruhan pelajar bersetuju dan menerima bahawa FIS memberi manfaat yang besar kepada mereka. Mereka juga mengakui bahawa FIS membantu dalam

meningkatkan keupayaan berfikir. Tahap kefahaman mereka berhubung falsafah juga meningkat selepas mengambil mata pelajaran FIS. Dapatkan kajian tersebut secara langsung seiring dengan objektif kajian iaitu melihat sejauhmana penerimaan mahasiswa berhubung mata pelajaran FIS di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Kajian ini menyumbangkan kepada hasil dapatan bahawa matapelajaran FIS sangat relevan untuk dipelajari dan dikekalkan untuk manfaat para pelajar dalam pengetahuan umum. Kajian lanjutan berhubung inovasi PdP untuk mata pelajaran FIS adalah disarankan khususnya melibatkan bab atau topik yang sukar dalam FIS. Kaedah kreatif diperlukan untuk meningkatkan minat pelajar dan membantu meningkatkan kefahaman mereka. Pengajaran kolaboratif dengan pihak luar sama ada universiti, industri atau agensi kerajaan adalah sangat digalakkan untuk mendedahkan pelajar dengan hal ehwal luar dan realiti semasa. Seharusnya usaha merakyatkan falsafah perlu dalam mendekatkan masyarakat dengan mata pelajaran ini.

### Penghargaan

Penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani atas inisiatif menubuhkan kumpulan CRIG dan memberi peruntukan dana untuk penerbitan artikel.

### Rujukan

- Ab Hamid, N., binti Hashim, S. N. I., & Abd Wahab, N. A. (2023). Penerapan Ilmu Logik Dalam Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Kepentingannya Terhadap Mahasiswa. *Journal of Islamic*, 8(52), 93-103.
- Abdul Karim L.A. (25 September 2019). Dua Kursus Wajib Baharu di UA. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baharu-ua>
- Abdul Aziz S.A. & Abdul Aziz M.A. (2016). Inovasi Pendidikan Bertunjangkan Implementasi Teknologi Dalam Blended Teaching. Dlm. *Conference Proceeding: 2nd International Conference On Creative Media, Design & Technology (REKA2016)*.
- Abdul Razak, D & Hashim, R. (2019). Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020. Gombak: IIUM Press.
- Abdullah A.H. & Marion Z. (24 Januari 2021). Guru Perlu Kreatif Taksir Murid Dalam Norma Baharu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/779528/guru-perlu-kreatif-taksir-murid-dalam-norma-baharu>
- Abu Bakar, M. A., Said, S. N. M., Sabil, S., Ibrahim, N., Roose, A. R. M., Aden, E., & Marawi, Z. (2012, June). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian tinjauan persepsi pelajar. In *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration* (pp. 19-21).
- Course Information CTU552, (2023) <https://aims.uitm.edu.my/curriculum/>
- Kassim, F., Noor, N. A. M., Azzis, M. S. A., Ching, I. Y. S., Ramli, M. R., & Hanafi, F. (2023). Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya. *Jurnal Sains Insani*.
- Kristiawan, M., Suryanti, I., Muntazir, M., Ribuwati, A., & AJ, A. (2018). *Inovasi pendidikan Jawa Timur*: Wade Group National Publishing, 1-7.
- Latiff, L. A., & Mokhtar, R. A. M. (2020). Penerimaan Pelajar Usim Terhadap Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif.

- Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., Esa, M. S., Othman, I. W., Ramlie, H., Mokhtar, S., & Yusoff, M. S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137-149.
- Matlan, S. J., & Maat, S. M. (2021). Penggunaan aplikasi Quizizz sebagai alternatif penilaian formatif dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 217-227.
- Mohd Azhar, M. H. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1), 65-83.
- |  |          |        |      |
|--|----------|--------|------|
| Pengemaskinian   | Struktur | Kursus | MPU. |
| <a href="https://www.mqa.gov.my/pv4/document/pekeliling/2019/9-JPT%20%20Pengemaskinian%20Struktur%20Kursus%20MPU.pdf">https://www.mqa.gov.my/pv4/document/pekeliling/2019/9-JPT%20%20Pengemaskinian%20Struktur%20Kursus%20MPU.pdf</a> , 25 Mei 2023. |          |        |      |
- Razak, A. A., Bakar, S. A., Yusuff, N. A., Nawi, N. H. M., & Daud, B. C. (2022). Nilai toleransi dalam Mata Pelajaran Umum Menurut Perspektif Pelajar. *Borneo International Journal*. eISSN 2636-9826, 5(1), 1-7.
- Yip, N. M., & Burhanuddin, I. H. (2017). Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik. *National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017)*. Bangi, Selangor, Malaysia.